


TARIKH	10 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	Setempat

5 dekad kumpul hasil getah

Pasangan bersyukur hasrat terpendam sekian lama akhirnya termakbul



Lambaihan Kaabah

>>Oleh Khairul Hamizy

Ramlee

am@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Hasrat sepasang warga emas menuaiakan ibadat haji selepas 50 tahun membanting kudrat menoreh getah dan menjual ikan sungai bagi mengumpul wang untuk ke Tanah Suci termakbul apabila mereka berlepas menerusi penerbangan terus dari bandar raya ini ke Jeddah,

semalam.

Daud Seman, 77, dan isterinya, Zainab Piah, 78, dari Gua Musang, Kelantan ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM), di sini semalam, berkata mereka tidak menduga hasrat untuk menuai haji sejak sekian lama akhirnya tercapai.

Menurut Daud, meskipun pendapatannya sebagai penoreh getah dan penangkapan ikan di sungai hanya kira-kira RM500 sebulan, keadaan itu tidak pernah menjelaskan semangatnya untuk menjelaskan kaki ke Tanah Suci.

"Dalam tempoh itu, saya dan isteri terus berjimat cermat menguruskan perbelanjaan rumah serta pembentahan sekolah tiga anak.

"Syukurlah selepas 50 tahun, akhirnya simpanan



DAUD...gembira hasrat tercapai

kami cukup dan saya terus mengajak seorang anak untuk mendaftarkan kami ke Tabung Haji pada Disember 2011 sebelum dimaklumkan permohonan kami lulus," katanya.

Bapa kepada tiga anak itu

berkata, dia dan isteri di temani anak bongsunya, Abdul Hisham Daud, 41, dan berharap mereka akan mendapat haji yang mabru.

Tiga beranak itu antara 446 jemaah haji yang berlepas terus dari LTSM ke Jeddah, semalam.

Ia penerbangan kedua membawa jemaah haji dari LTSM selepas penerbangan pertama terus ke Madinah pada 29 September lalu membabitkan 445 jemaah dari Terengganu, Pahang dan Kelantan.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah berkenan berangkat menyempurnakan majlis pelepasan jemaah terabit yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said.